

PM gesa komuniti global sepakat singkirkan Israel daripada PBB

Keganasan rejim Zionis berterusan zalimi rakyat Palestin paksa menuntut tindakan segera, berkesan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa masyarakat antarabangsa mencapai konsensus bagi menggantung atau menyingkirkan Israel daripada keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam ucapan ketika menyampaikan Kenyataan Negara di Sidang Kemuncak Luar Biasa Arab dan Islam di Riyadh, Arab Saudi, kelmarin, Perdana Menteri menegaskan Israel melampaui batas kemanusiaan dengan

tindakan kejam dan secara terang-terangan terhadap pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin.

Beliau menyatakan tindakan keganasan rejim Zionis yang berterusan terhadap seluruh bangsa itu memaksa masyarakat antarabangsa untuk menuntut tindakan segera dan berkesan, termasuk embargo, penggantungan dan pengusiran dari PBB.

"Komuniti antarabangsa mesti bertindak segera dan tegas. Sebagai langkah segera, kita mesti mendesak, seperti yang dilakukan Malaysia di Perhimpunan Agung PBB (UNGA) pada September lalu, untuk mengenakan embargo senjata segera terhadap Israel.

"Demi rakyat Palestin dan kemanusiaan secara keseluruhan, kita harus menghukum dan menghalang pencabulan berulang Israel terhadap undang-undang dan norma antarabangsa. Oleh itu, kita perlu membina kesepakatan untuk menggantung atau menyingkirkan Israel daripada PBB," katanya.

Anwar berkata, Israel tidak lagi tergolong dalam masyarakat

bertamadun negara dan kebiadabannya menuntut tindakan tegas untuk melindungi bukan sahaja Asia Barat tetapi global.

"Israel bagaimanapun telah melampaui batas, akal dan kemanusiaan itu sendiri dengan melakukan perbuatan keji.

"Keganasan ini menyebabkan kita tiada pilihan selain menuntut tindakan pantas dan berkesan masyarakat antarabangsa termasuk mengenakan sekatan, penggantungan dan penyingkiran," katanya

Anwar turut menempelak tindakan Israel yang tidak henti-henti bukan saja menyerang Palestin bahkan menyasarkan negara lain di rantau itu.

Ia termasuk turut menyasarkan Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) dan menghalang pertubuhan itu daripada beroperasi membantu mangsa.

Lindungi pasukan pengaman

Justeru, Perdana Menteri menyifatkan Israel punca keruntuhan tindakan balas kemanusiaan dunia.

"Kita mesti menamatkan pem-

bunuhan beramai-ramai yang tidak masuk akal ini dan mengambil langkah segera untuk memberi perlindungan yang lebih berkesan kepada UNRWA.

"Begitu juga, kita mesti memberi perlindungan lebih baik untuk pasukan pengaman PBB di Lubnan, yang terdiri daripada hampir 50 negara termasuk Malaysia yang mana turut menjadi sasaran serangan ganas oleh tentera Israel.

"Kekejaman Israel sudah merebak ke Lubnan, Yaman, Syria, Iraq dan Iran. Jika dunia berpaling sekarang, keganasan ini tidak akan sesekali dibendung. Ia akan terus menyalakan api yang mengancam menelan seluruh rantau ini dan seluruh dunia.

"Kebimbangan kami adalah mangsa. Oleh itu, penting untuk kita menggandakan usaha semasa untuk membantu membina semula Gaza daripada dimusnahkan," tegasnya.

Dalam pada itu, Kementerian Luar dalam satu kenyataan, memaklumkan sidang kemuncak di Riyadh itu diadakan untuk mem-

bincangkan langkah-langkah menamatkan genosid yang berterusan terhadap rakyat Palestin.

Kementerian turut memaklumkan Anwar mengecam sekeras-kerasnya serangan Israel ke atas misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL), yang jelas melanggar Piagam PBB dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa, serta menyeru penggantungan atau pengusiran Israel daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Di luar Sidang Kemuncak, Anwar turut mengadakan pertemuan dengan pemimpin dari Kuwait, Lubnan, Maldives dan Arab Saudi untuk membincangkan situasi di Palestin, langkah memperkukuh kerjasama dua hala, serta persiapan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada 2025, selain penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC China.

Anwar diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan pegawai kanan kerajaan.